



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2015

**PENAMBAHBAIKAN KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN DALAM PELAKSANAAN JADUAL GAJI MINIMUM -
MAKSIMUM**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	KANDUNGAN	i
2.	SENARAI LAMPIRAN	ii
3.	TUJUAN	1
4.	LATAR BELAKANG	1
5.	PELAKSANAAN	2
	Pegawai yang Layak	2
	Kaedah Pelaksanaan	3
	Pemberian Pergerakan Gaji Kepada Pegawai yang Akan Bersara Paksa	7
	Pemberian Pergerakan Gaji Kepada Pegawai yang Dibersarakan Di Bawah Seksyen 10(5)(d) dan Seksyen 10(5)(f) Akta Pencen 1980 (Akta 227)/ Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)	7
	Syarat-Syarat Pemberian Pergerakan Gaji	8
6.	TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	8
7.	TARIKH KUAT KUASA	9

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Muka Surat
A	Indeks Kadar Pergerakan Gaji Berasaskan Kadar Tetap 3% daripada Gaji Maksimum Perkhidmatan Awam Malaysia	11
	A1 - A55 Kadar Pergerakan Gaji Berasaskan Kadar Tetap 3% daripada Gaji Maksimum Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa	12 - 45
B	Indeks Kadar Pergerakan Gaji Berasaskan Kadar Tetap 3% daripada Gaji Maksimum Perkhidmatan Awam Malaysia (Khas untuk Penyandang)	47
	B1 - B13 Kadar Pergerakan Gaji Berasaskan Kadar Tetap 3% daripada Gaji Maksimum (Khas untuk Penyandang)	48 - 57
C - M	Contoh Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji	58 - 69



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 3 TAHUN 2015

PENAMBAHBAIKAN KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DALAM PELAKSANAAN JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk menambah baik kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan dalam pelaksanaan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi pegawai UMT. Pelaksanaan pergerakan gaji ini adalah selaras dengan hasrat UMT dalam memastikan pegawai UMT sentiasa berprestasi tinggi dan meningkatkan produktiviti.

LATAR BELAKANG

2. Struktur gaji yang digunapakai di UMT adalah mengikut Sistem Saraan Malaysia (SSM) dalam Perkhidmatan Awam yang pada masa ini adalah berdasarkan kepada JGMM yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Struktur JGMM tersebut telah ditambah baik melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 (JGMM yang telah berkuat kuasa dan telah ditambah baik selepas ini dirujuk sebagai "JGMM 2013"). Kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan sedia ada adalah berdasarkan gaji hakiki pegawai ditambah dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut gred, terhad kepada amaun gaji maksimum dalam JGMM 2013.

PELAKSANAAN

3. Dalam melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini, kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan adalah ditambah baik dengan memperuntukkan suatu kadar kenaikan gaji yang berasaskan kepada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum dalam JGMM 2013. Kadar kenaikan gaji yang berasaskan kepada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah seperti berikut:

3.1 bagi skim perkhidmatan yang berkuat kuasa adalah seperti di **Lampiran A**; dan

3.2 bagi skim perkhidmatan yang telah dijumlahkan adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Kadar tetap 3% yang dinyatakan dalam Lampiran A dan B akan digunakan sebagai asas untuk menentukan amaun pergerakan gaji yang akan diberikan kepada pegawai-pegawai yang layak seperti dinyatakan dalam perenggan 5.1 hingga 5.5 pekeliling perkhidmatan ini, tertakluk kepada kaedah pelaksanaan serta syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

Pegawai Yang Layak

5. Pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan pekeliling perkhidmatan ini adalah melibatkan pegawai yang berada dalam keadaan-keadaan berikut:

5.1 tertakluk kepada perenggan 6.1, pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum** dalam JGMM 2013 termasuk pegawai yang berada di gaji Khas Untuk Penyandang (KUP);

5.2 tertakluk kepada perenggan 6.2, pegawai yang **belum mencapai gaji maksimum** tetapi dalam keadaan amaun pergerakan gaji yang berikutnya

sebelum mencapai gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **kurang daripada kadar satu (1) KGT**;

- 5.3 tertakluk kepada perenggan 6.3, pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum dan berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa¹**, dan tarikh persaraan tersebut adalah sebelum Tarikh Pergerakan Gajinya pada tahun berkenaan;
- 5.4 tertakluk kepada perenggan 6.4, pegawai yang **belum mencapai gaji maksimum dan berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa²**, dan tarikh persaraan tersebut adalah sebelum Tarikh Pergerakan Gajinya pada tahun berkenaan; dan
- 5.5 tertakluk kepada perenggan 6.5, pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum dan berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa³**, dan **telah menerima pergerakan gaji berasaskan kadar tetap 3% pada tahun sebelumnya** melalui kaedah yang dilaksanakan di bawah pekeliling perkhidmatan ini.

Kaedah Pelaksanaan

6. Pelaksanaan pemberian pergerakan gaji kepada pegawai yang layak adalah seperti berikut:

- 6.1 bagi pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum** dalam JGMM 2013 termasuk pegawai yang berada di gaji KUP –

¹ mengikut seksyen 10(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

² mengikut seksyen 10(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

³ mengikut seksyen 10(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

pegawai akan diberikan pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% mengikut gred yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, mengikut mana yang berkenaan. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran C dan D**;

6.2 bagi pegawai yang **belum mencapai gaji maksimum** tetapi dalam keadaan amaun pergerakan gaji yang berikutnya sebelum mencapai gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **kurang daripada kadar satu (1) KGT** –

(a) tertakluk kepada perenggan (b) dan (c), pergerakan gaji pegawai hendaklah menggunakan amaun kadar tetap 3% mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, mengikut mana yang berkenaan. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti **Lampiran E**;

(b) sekiranya **amaun perbezaan** di antara gaji hakiki yang sedang diterima oleh pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **kurang daripada amaun kadar tetap 3%** mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, maka pergerakan gaji pegawai yang berikutnya hendaklah menggunakan amaun kadar tetap 3% itu. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran F**; atau

(c) sekiranya **amaun perbezaan** di antara gaji hakiki yang sedang diterima oleh pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **lebih tinggi daripada amaun kadar tetap 3%** mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, maka pergerakan gaji pegawai yang berikutnya hendaklah menggunakan amaun perbezaan pergerakan gaji yang lebih tinggi itu, terhad kepada amaun gaji maksimum dalam JGMM 2013. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran G**.

6.3 bagi pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum** dan **berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa** dan **tarikh persaraan tersebut adalah sebelum Tarikh Pergerakan Gajinya** pada tahun berkenaan –

pegawai layak diberi satu (1) pergerakan gaji berasaskan kadar tetap 3% pada hari terakhir perkhidmatannya dan Tarikh Pergerakan Gaji pegawai akan diawalkan oleh Pendaftar ke hari terakhir perkhidmatannya itu⁴. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran H**;

6.4 bagi pegawai yang **belum mencapai gaji maksimum** dan **berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa** dan **tarikh persaraan tersebut adalah sebelum Tarikh Pergerakan Gajinya** pada tahun berkenaan serta amaun perbezaan pergerakan gaji pegawai yang berikutnya sebelum mencapai gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **kurang daripada kadar satu (1) KGT** –

(a) tertakluk kepada perenggan (b) dan (c), pergerakan gaji pegawai pada tarikh akhir pegawai berkhidmat hendaklah menggunakan amaun kadar tetap 3% mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B. Tarikh Pergerakan Gaji pegawai akan diawalkan oleh Pendaftar ke hari terakhir perkhidmatan pegawai⁵. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran I**;

(b) sekiranya amaun perbezaan di antara gaji hakiki yang sedang diterima oleh pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah kurang daripada amaun kadar tetap 3% mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, maka

⁴ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

⁵ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

pergerakan gaji pegawai pada hari terakhir pegawai berkhidmat hendaklah menggunakan amaun kadar tetap 3% itu. Tarikh Pergerakan Gaji pegawai akan diawalkan oleh Pendaftar ke hari terakhir perkhidmatan pegawai⁶. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran J**; atau

- (c) sekiranya amaun perbezaan di antara gaji hakiki yang sedang diterima oleh pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah lebih tinggi daripada amaun kadar tetap 3% mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, maka pergerakan gaji pegawai pada hari terakhir pegawai berkhidmat hendaklah menggunakan amaun perbezaan pergerakan gaji yang lebih tinggi itu, terhad kepada amaun gaji maksimum dalam JGMM 2013. Tarikh Pergerakan Gaji pegawai akan diawalkan oleh Pendaftar ke hari terakhir perkhidmatan pegawai⁷. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran K**.

6.5 bagi pegawai yang **telah mencapai gaji maksimum** dan **telah menerima pergerakan gaji berasaskan kadar tetap 3% pada tahun sebelumnya** melalui kaedah yang dilaksanakan di bawah pekeliling perkhidmatan ini –

pegawai layak diberi satu (1) pergerakan gaji berasaskan kadar tetap 3% mengikut gred gaji pegawai yang dinyatakan dalam Lampiran A atau B, pada hari terakhir perkhidmatannya dan Tarikh Pergerakan Gaji

⁶ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

⁷ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

diawalkan oleh Pendaftar pada hari terakhir perkhidmatannya⁸. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran L**.

Pemberian Pergerakan Gaji Kepada Pegawai Yang Akan Bersara Paksa

7. Walau apa pun peruntukan di perenggan-perenggan 5 dan 6 di atas, sekiranya **amaun perbezaan** di antara gaji hakiki yang sedang diterima oleh pegawai dengan gaji maksimum dalam JGMM 2013 adalah **lebih tinggi daripada kadar satu (1) KGT** mengikut gred pegawai dalam JGMM 2013, maka pergerakan gaji pegawai pada tarikh akhir pegawai berkhidmat hendaklah menggunakan kadar satu (1) KGT. Tarikh Pergerakan Gaji pegawai akan diawalkan oleh Pendaftar ke hari terakhir perkhidmatan pegawai⁹. Contoh pemberian pergerakan gaji adalah seperti di **Lampiran M**.

Pemberian Pergerakan Gaji Kepada Pegawai Yang Dibersarakan Di Bawah Seksyen 10(5)(d) Dan Seksyen 10(5)(f) Akta Pencen 1980 (Akta 227)/ Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239)

8. Walau apa pun peruntukan di perenggan-perenggan 5 hingga 7 di atas, bagi persaraan di bawah seksyen 10(5)(d) dan seksyen 10(5)(f) Akta Pencen 1980 (Akta 227)/ Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239), Pendaftar mempunyai budi bicara untuk mengawalkan Tarikh Pergerakan Gaji pegawai ke hari terakhir perkhidmatannya sebelum dibersarakan di bawah peruntukan berkenaan. Kelayakan pegawai masih tertakluk kepada keadaan dan semua syarat yang dinyatakan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

Syarat-Syarat Pemberian Pergerakan Gaji

9. Pemberian pergerakan gaji dalam pekeliling perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012

⁸ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

⁹ mengikut peraturan 27(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

dan pekeling perkhidmatan atau peraturan-peraturan berkaitan lain yang berkuat kuasa, terutamanya syarat-syarat berikut:

- 9.1 pegawai mencapai tahap prestasi ditetapkan;
 - 9.2 diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab; dan
 - 9.3 diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia UMT.
10. Tertakluk kepada perenggan-perenggan 3 hingga 9 di atas:
- 10.1 pegawai yang ditukar sementara atau dipinjam ke agensi Kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, dan berada di gaji maksimum atau menghampiri gaji maksimum atau berada di gaji KUP, pemberian pergerakan gaji adalah secara isyarat di gaji hakiki; dan
 - 10.2 pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji, dan berada di gaji maksimum atau menghampiri gaji maksimum atau berada di gaji KUP, pemberian pergerakan gaji adalah tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa bagi pemberian Pergerakan Gaji Tahunan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

11. Dalam melaksanakan pemberian pergerakan gaji ini, Pendaftar dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bertanggungjawab memastikan:
 - 11.1 pergerakan gaji ini hanya diberikan kepada pegawai yang layak; dan
 - 11.2 perubahan gaji tersebut direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan.
12. Bagi maksud menjalankan kuasa Pendaftar di perenggan-perenggan 6.3, 6.4, 6.5 dan 7 pekeling perkhidmatan ini, PPSM kementerian/ jabatan adalah

diwakilkan kuasa¹⁰ untuk mengawalkan Pergerakan Gaji Tahunan pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat pemberian Pergerakan Gaji Tahunan yang telah ditetapkan.

13. PPSM kementerian/ jabatan hendaklah mengenal pasti pegawai-pegawai yang akan bersara paksa¹¹ pada sesuatu tahun dalam mempertimbangkan pemberian Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang diawalkan pada hari terakhir perkhidmatannya.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling perkhidmatan ini hendaklah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2015**.

¹⁰ mengikut peraturan 62(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

¹¹ mengikut seksyen 10(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

LAMPIRAN A

Lampiran A

INDEKS KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM

PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

BIL	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED	LAMPIRAN	MUKA SURAT
1	PENGANGKUTAN	A	A1	12
			A2	13
2	BAKAT DAN SENI	B	A3	14
			A4	15
3	SAINS	C	A5	16
			A6	17
4	PENDIDIKAN	DG	A7	18
		DS	A8	19
5	SISTEM MAKLUMAT	F	A9	20
			A10	21
		FT	A11	22
6	PERTANIAN	G	A12	23
			A13	24
7	KEMAHIRAN	H	A14	25
8	KEJURUTERAAN	J	A15	26
			A16	27
		JA	A17	28
		KP	A18	29
			A19	30
9	PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN	L	A20	31
			A21	32
11	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	N	A22	33
			A23	34
13	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	Q	A24	35
			A25	36
14	SOSIAL	S	A26	37
			A27	38
15	PERUBATAN DAN KESIHATAN	U	A28	39
			A29	40
		UD	A30	41
16	KEWANGAN	W	A31	42
			A32	43
17	PENGURUSAN TERTINGGI	VK	A33	44
		VU	A34	45

Lampiran A1

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
A54	5,941.00	11,974.00	359.22
A53	5,941.00	11,974.00	359.22
A52	5,640.00	11,288.00	338.64
A51	5,640.00	11,288.00	338.64
A48	5,007.00	10,688.00	320.64
A47	5,007.00	10,688.00	320.64
A44	3,422.00	9,511.00	285.33
A43	3,422.00	9,511.00	285.33
A41	2,052.00	8,737.00	262.11

Lampiran A2

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
A38	3,607.00	7,162.00	214.86
A36	3,113.00	6,757.00	202.71
A29	1,685.00	5,127.00	153.81
A26	2,507.00	4,792.00	143.76
A22	1,962.00	4,289.00	128.67
A18	938.00	3,406.00	102.18
A17	938.00	3,406.00	102.18
A13	906.00	3,041.00	91.23

Lampiran A3

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
B54	5,884.00	11,902.00	357.06
B53	5,884.00	11,902.00	357.06
B52	5,579.00	11,212.00	336.36
B51	5,579.00	11,212.00	336.36
B48	4,959.00	10,612.00	318.36
B47	4,959.00	10,612.00	318.36
B44	3,412.00	9,456.00	283.68
B43	3,412.00	9,456.00	283.68
B42	1,926.00	8,687.00	260.61
B41	1,926.00	8,687.00	260.61

Lampiran A4

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015
(RM SEBULAN)**

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
B38	3,430.00	6,868.00	206.04
B37	3,430.00	6,868.00	206.04
B32	2,734.00	5,643.00	169.29
B31	2,734.00	5,643.00	169.29
B28	1,368.00	5,099.00	152.97
B27	1,368.00	5,099.00	152.97
B26	2,503.00	4,789.00	143.67
B25	2,503.00	4,789.00	143.67
B22	1,960.00	4,287.00	128.61
B21	1,960.00	4,287.00	128.61
B17	936.00	3,404.00	102.12

Lampiran A5

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SAINS
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
C54	5,936.00	11,969.00	359.07
C52	5,629.00	11,284.00	338.52
C48	5,002.00	10,683.00	320.49
C44	3,417.00	9,485.00	284.55
C41	1,940.00	8,720.00	261.60

Lampiran A6

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SAINS
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
C38	3,438.00	6,899.00	206.97
C32	2,749.00	5,682.00	170.46
C27	1,374.00	5,116.00	153.48
C26	2,488.00	4,756.00	142.68
C22	2,170.00	4,238.00	127.14
C17	933.00	3,380.00	101.40

Lampiran A7

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREDD GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
DG54	5,840.00	11,864.00	355.92
DG52	5,538.00	11,194.00	335.82
DG48	4,922.00	10,560.00	316.80
DG44	3,371.00	9,414.00	282.42
DG41	1,917.00	8,652.00	259.56

Lampiran A8

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
DS54	5,922.00	11,955.00	358.65
DS53	5,922.00	11,955.00	358.65
DS52	5,637.00	11,285.00	338.55
DS51	5,637.00	11,285.00	338.55
DS45	2,878.00	10,075.00	302.25

Lampiran A9

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
F54	5,934.00	11,968.00	359.04
F52	5,626.00	11,281.00	338.43
F48	5,000.00	10,681.00	320.43
F44	3,414.00	9,504.00	285.12
F41	2,146.00	8,718.00	261.54

Lampiran A10

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
F38	3,430.00	7,068.00	212.04
F32	3,067.00	5,612.00	168.36
F29	1,746.00	5,104.00	153.12

Lampiran A11

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
FT26	2,505.00	4,790.00	143.70
FT22	2,184.00	4,265.00	127.95
FT17	953.00	3,490.00	104.70

Lampiran A12

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
G54	5,838.00	11,864.00	355.92
G52	5,538.00	11,194.00	335.82
G48	4,920.00	10,559.00	316.77
G44	3,371.00	9,414.00	282.42
G41	1,915.00	8,651.00	259.53

Lampiran A13

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
G36	3,396.00	6,789.00	203.67
G32	2,729.00	5,638.00	169.14
G28	1,363.00	5,094.00	152.82
G27	1,363.00	5,094.00	152.82
G26	2,488.00	4,756.00	142.68
G22	2,170.00	4,238.00	127.14
G18	933.00	3,380.00	101.40
G17	933.00	3,380.00	101.40
G14	1,570.00	3,035.00	91.05
G11	832.00	2,657.00	79.71

Lampiran A14

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
H26	2,505.00	4,790.00	143.70
H22	2,184.00	4,265.00	127.95
H17	953.00	3,490.00	104.70
H16	1,598.00	3,236.00	97.08
H14	1,576.00	3,041.00	91.23
H12	837.00	2,619.00	78.57
H11	837.00	2,619.00	78.57

Lampiran A15

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
J54	5,939.00	11,972.00	359.16
J52	5,639.00	11,286.00	338.58
J51	5,639.00	11,286.00	338.58
J48	5,005.00	10,686.00	320.58
J47	5,005.00	10,686.00	320.58
J44	3,420.00	9,557.00	286.71
J43	3,420.00	9,557.00	286.71
J42	2,360.00	8,743.00	262.29
J41	2,360.00	8,743.00	262.29

Lampiran A16

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
J38	3,483.00	7,144.00	214.32
J37	3,483.00	7,144.00	214.32
J36	3,090.00	6,718.00	201.54
J35	3,090.00	6,718.00	201.54
J30	1,751.00	5,121.00	153.63
J29	1,751.00	5,121.00	153.63
J26	2,505.00	4,790.00	143.70
J22	2,184.00	4,265.00	127.95
J21	2,184.00	4,265.00	127.95
J17	953.00	3,490.00	104.70

Lampiran A17

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
JA38	3,483.00	7,144.00	214.32
JA36	3,090.00	6,718.00	201.54
JA30	1,418.00	5,121.00	153.63
JA29	1,418.00	5,121.00	153.63
JA26	2,505.00	4,790.00	143.70
JA22	2,184.00	4,265.00	127.95
JA17	953.00	3,490.00	104.70

Lampiran A18

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
KP54	5,835.00	11,860.00	355.80
KP52	5,533.00	11,190.00	335.70
KP48	4,917.00	10,555.00	316.65
KP44	3,367.00	9,409.00	282.27
KP42	1,912.00	8,647.00	259.41
KP41	1,912.00	8,647.00	259.41

Lampiran A19

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREDD GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
KP38	3,392.00	6,899.00	206.97
KP32	2,727.00	5,651.00	169.53
KP27	1,362.00	5,116.00	153.48
KP26	2,483.00	4,790.00	143.70
KP22	2,165.00	4,289.00	128.67
KP17	936.00	3,424.00	102.72
KP14	1,576.00	3,041.00	91.23
KP11	837.00	2,619.00	78.57

Lampiran A20

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
L54	5,887.00	11,905.00	357.15
L52	5,582.00	11,215.00	336.45
L48	4,963.00	10,615.00	318.45
L44	3,412.00	9,502.00	285.06
L41	2,249.00	8,707.00	261.21

Lampiran A21

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
L38	3,394.00	6,972.00	209.16
L32	3,062.00	5,607.00	168.21
L29	1,664.00	5,094.00	152.82
L26	2,486.00	4,755.00	142.65
L22	2,168.00	4,236.00	127.08
L17	931.00	3,379.00	101.37

Lampiran A22

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
N54	5,832.00	11,858.00	355.74
N52	5,532.00	11,188.00	335.64
N48	4,915.00	10,554.00	316.62
N44	3,363.00	9,406.00	282.18
N41	1,911.00	8,646.00	259.38

Lampiran A23

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
N36	3,392.00	6,786.00	203.58
N32	2,727.00	5,636.00	169.08
N28	1,362.00	5,092.00	152.76
N27	1,362.00	5,092.00	152.76
N26	2,483.00	4,751.00	142.53
N22	2,165.00	4,233.00	126.99
N20	1,131.00	3,580.00	107.40
N17	928.00	3,375.00	101.25
N14	1,572.00	3,037.00	91.11
N11	802.00	2,663.00	79.89

Lampiran A24

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
Q54	5,934.00	11,968.00	359.04
Q53	5,934.00	11,968.00	359.04
Q52	5,626.00	11,281.00	338.43
Q51	5,626.00	11,281.00	338.43
Q48	5,000.00	10,681.00	320.43
Q47	5,000.00	10,681.00	320.43
Q44	3,414.00	9,504.00	285.12
Q43	3,414.00	9,504.00	285.12
Q41	2,146.00	8,718.00	261.54

Lampiran A25

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
Q36	3,397.00	6,791.00	203.73
Q32	2,731.00	5,639.00	169.17
Q27	1,365.00	5,096.00	152.88
Q26	2,485.00	4,753.00	142.59
Q22	2,168.00	4,236.00	127.08
Q17	931.00	3,379.00	101.37

Lampiran A26

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
S54	5,830.00	11,858.00	355.74
S53	5,830.00	11,858.00	355.74
S52	5,532.00	11,188.00	335.64
S51	5,532.00	11,188.00	335.64
S48	4,914.00	10,552.00	316.56
S47	4,914.00	10,552.00	316.56
S44	3,363.00	9,406.00	282.18
S43	3,363.00	9,406.00	282.18
S41	1,909.00	8,644.00	259.32

Lampiran A27

**KADAR PERGERAKAN GAJI BERASASKAN KADAR TETAP 3%
DARIPADA GAJI MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2015**

(RM SEBULAN)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR TETAP 3%
S38	3,392.00	6,786.00	203.58
S32	2,727.00	5,636.00	169.08
S28	1,362.00	5,092.00	152.76
S27	1,362.00	5,092.00	152.76
S26	2,481.00	4,751.00	142.53
S22	2,165.00	4,233.00	126.99
